

07 MAR 2002

LARIAN PERDANA MAKSAK PUTRAJAYA PADA APRIL

KUALA LUMPUR, Mac 7 (Bernama) -- Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan (Maksak) Putrajaya akan menganjurkan Larian Perdana di Dataran Putra, Putrajaya pada 7 April.

Larian itu akan dikelolakan bersama Majlis Sukan Angkatan Tentera, Perbadanan Putrajaya dan Persatuan Olahraga Amatur Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Antara kategori larian itu ialah lelaki dan wanita remaja, lelaki dan wanita dan veteran. Golongan istimewa serta cacat penglihatan juga boleh menyertainya.

Larian itu akan dilepaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menurut kenyataan Maksak.

Larian sejauh 3km dan 7km itu menawarkan hadiah wang tunai dan pingat untuk tempat pertama hingga lima manakala peserta yang menamatkan larian dalam masa 1 jam 20 minit akan menerima sijil.

Kempen bagi pendaftaran larian itu akan diadakan di Dataran Merdeka pada 10 Mac bermula 8 pagi. Tarikh tutup pendaftaran 27 Mac.

-- BERNAMA
RZA AHH RHM